

SULIT

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK KUMBONG [HULU
RAJANG]**

TARIKH : 03 OGOS 2017

RUJUKAN : 10021

SOALAN:

**Datuk Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang
untuk membina balai polis di Pekan Kapit, di Sungai Asap, dan di
Sungai Tunoh Bukit Mabong.

SULIT

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pondok Polis Sungai Asap beroperasi di rumah kedai dua tingkat (No. 1070, sub lot No. 10, Blok 26, Punan Land District, Local Centre 1, Sungai Asap, Belaga) berkeluasan 880 kaki persegi (40 kaki x 22 kaki) dengan kadar sewaan sebanyak RM3,000.00 sebulan. Balai ini beroperasi dengan keanggotaan seperti berikut:

- (i) Sarjan - 1 orang;
- (ii) Koperai - 1 orang; dan
- (iii) Lans Koperai - 2 orang

Pembinaan balai ini telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) namun digugurkan kerana isu tapak yang masih dalam proses pengambilan tanah (kawasan Bakun *Resettlement Scheme*). Cadangan tapak projek ialah di Lot 1135, Block 26, Punan Land District dan penyenggaraan semula dalam perancangan projek Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) akan dibuat setelah isu tanah diselesaikan.

Tiada cadangan pembinaan balai polis di Pekan Kapit dan Sungai Tunoh, Bukit Mabong kerana keutamaan projek pada masa ini adalah untuk kerja-kerja menaik taraf premis/kompleks PDRM yang sangat uzur dan tidak ekonomik untuk dibaikpulih.

SULIT